

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 26/07/2022
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my
Tajuk : RM86 Bilion Nilai Aset Amanah Pusaka, Wasiat MAAB

RM86 Bilion Nilai Aset Amanah Pusaka, Wasiat MAAB



Muhammad Amir Asyraf (mendukung bayi) bergambar bersama penerima sumbangan wasiat infak arwah bapanya pada majlis Penyerahan Sumbangan dan Infaq bagi pihak waris Allahyarham Hassan Johan di Taiping, hari ini.

- 26 Julai 2022 @ 2:54pm

TAIPING: MyAngkasa Amanah Bhd (MAAB), syarikat pengurusan amanah, wasiat, hibah dan harta pusaka milik Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) sehingga hari ini mendaftarkan lebih 170,000 kes membabitkan anggaran jumlah nilai aset sebanyak RM86 bilion.

Timbalan Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, berkata daripada jumlah itu, MAAB sudah menguruskan sebanyak 637 fail bagi pentadbiran harta pusaka yang dianggarkan berjumlah RM320 juta.

Beliau berkata, angka berkenaan disifatkan besar bagi MAAB sebagai institusi menguruskan amanah harta yang masih 'muda' berikutan usianya baru tujuh tahun sejak ditubuhkan pada tahun 2014.

"Dengan itu kita dapat melihat kepercayaan yang diberikan kepada MAAB terus meningkat walaupun kita masih baru, selain kita adalah satu-satunya entiti koperasi di negara ini yang menjalankan amanah wasiat, pusaka, serta infak.

"Berbanding ketika awal penubuhan MAAB pada 2014, hanya 18 fail pentadbiran berjaya diuruskan. Justeru, pencapaian menguruskan 637 fail pentadbiran sehingga kini dilihat satu pencapaian amat baik bagi MAAB serta ANGKASA amnya," katanya kepada pemberita ketika majlis Penyerahan Sumbangan dan Infak bagi pihak waris Allahyarham Hassan Johan di sini, hari ini.

Hadir sama, Naib Presiden ANGKASA, Datuk Mohamad Ali Hasan.

Pada majlis itu, infak keseluruhan berjumlah RM16,820 disampaikan oleh anak kandung Allahyarham Hassan, Muhammad Amir Asyraf, 29, sebagai memenuhi wasiat bapanya ketika hidup kepada beberapa penerima yang terdiri daripada masjid, surau, institusi tahfiz dan individu terpilih.

Abdul Rahman berkata, selain caj dikenakan bagi khidmat MAAB adalah antara termurah di pasaran seumpamanya, kelebihan ditawarkan oleh MAAB, antaranya tiada caj tambahan dikenakan jika terdapat penambahan jumlah pusaka dibuat pada saat akhir.

"Khidmat nasihat pengurusan pentadbiran harta pusaka yang ditawarkan MAAB juga adalah secara percuma. Adalah penting pengurusan wasiat dilaksanakan segera supaya segala urusan dan tanggungjawab si mati dapat diselesaikan secepat mungkin sebelum timbul isu kematian berlapis.

"Kita tidak dapat nafikan banyak urusan harta pusaka yang tertangguh sampai generasi kedua kerana berlaku kekusutan antaranya disebabkan kurang faham mengenai pembahagian secara faraid, tiada kesepakatan waris, serta ketiadaan masa untuk failkan tuntutan," katanya.

Sementara itu, Muhammad Amir Asyraf berkata, dia bersyukur kerana hasrat bapanya yang meninggal dunia pada Februari tahun lalu akibat penyakit darah tinggi untuk mewasiatkan sebahagian harta sudah disempurnakan melalui MAAB.

"Segala proses menunaikan wasiat bapa saya dipermudahkan, selain penerangan oleh kakitangan MAAB yang menguruskan wasiat arwah bapa saya, mudah difahami," katanya.